

Graduan perlu persiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran – Dato' Prof. Emeritus Dr. Ir. Mohd Zohadie Bardaie



SERDANG, 3 Disember – Graduan perlu menyiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang relevan agar tidak ketinggalan dalam arus kemajuan sejajar dengan dimensi teknologi terkini.

Pro Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Dato' Prof. Emeritus Dr. Ir. Mohd Zohadie Bardaie berkata, keterampilan dalam teknologi dan inovasi bukan sahaja menjadi keperluan tetapi satu kelebihan kompetitif dalam dunia yang semakin mencabar.

“Masyarakat dunia hari ini saling berlumba untuk menunjukkan kehebatan dalam penciptaan teknologi dan sistem maklumat terkini khususnya dalam bidang kecerdasan buatan (AI) yang kini meningkatkan gaya hidup masyarakat,” katanya.

Beliau juga berharap UPM komited untuk memperkukuh ekosistem inovasi melalui penerapan teknologi kecerdasan buatan dalam pelbagai bidang khususnya dalam pembelajaran dan pengajaran termasuk agenda keterjaminan makanan.

“Kepakaran UPM dalam bidang kriptologi diiktiraf dengan pemberian dana oleh kerajaan semasa pembentangan Bajet 2025 baru-baru ini untuk menubuhkan Pusat Teknologi dan Pengurusan Kriptologi Malaysia.

“Ini bagi menyusul kecerdasan buatan pengkomputeran kuantum sebagai persiapan mendepani ancaman keselamatan siber serba rumit untuk manfaat kepada masyarakat dan negara dengan kerjasama Agensi Keselamatan Siber Negara,” katanya.

Selain itu, beliau berbangga dengan kejayaan UPM diberi kepercayaan untuk menerajui agenda keterjaminan makanan negara hasil pelancaran Blueprint Keterjaminan Makanan UPM pada 7 Jun 2024 dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Kementerian Pendidikan Tinggi.



“Blueprint Keterjaminan Makanan UPM ini akan memacu strategi dan inisiatif terkini pertanian selaras perkembangan teknologi, sekali gus membolehkan negara mencapai keterjaminan makanan yang mampan,” katanya.

Dato' Prof. Emeritus Dr. Ir. Mohd Zohadie berkata, seiring dengan pelancaran tersebut Nexus Keterjaminan Makanan IPT telah ditubuhkan dalam kalangan institut pengajian tinggi awam dan swasta untuk memastikan mereka mengguna pakai Blueprint Keterjaminan Makanan UPM.

“Pelan tindakan itu menggarap misi untuk memberi sumbangan bermakna kepada isu keterjaminan makanan menerusi kecemerlangan akademik, impak signifikan penyelidikan dan inovasi serta keterlibatan komuniti dan industri,” katanya.

Dalam pada itu, seramai 6,056 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen UPM ke-48 Sidang 2 di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Keseniaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), UPM pada 30 November 2024 (Sabtu) hingga 6 Disember 2024 (Jumaat).